

24/02/2001

Dr M mahu BN Sarawak tingkat kerjasama

KUCHING, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak meningkatkan kerjasama bagi menghadapi pilihan raya negeri, yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Perdana Menteri mahu parti komponen BN mengatasi sebarang masalah dalaman masing-masing serta mengelakkan sebarang persengketaan dalaman bagi memantapkan kekuatan BN.

Amanat itu disampaikan oleh Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN ketika mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti komponen negeri di Hotel Hilton, hari ini.

Perjumpaan lebih sejam itu dihadiri semua pemimpin komponen BN negeri yang terdiri daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Semua pemimpin kanan BN Sarawak hadir iaitu Ketua Menteri yang juga Pengerusi BN negeri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Pengerusi SUPP, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam; Presiden PBDS, Datuk Amar Leo Moggie dan Presiden Snap, Datuk Amar James Wong Kim Min. Hadir sama ialah Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Mohamed memberitahu pemberita selepas perjumpaan itu, kerjasama baik antara semua parti komponen BN penting memandangkan mereka memerlukan kekuatan dalam menghadapi pilihan raya nanti.

"Oleh itu, sebarang masalah dalaman baik besar atau pun kecil, kita mesti selesaikan secara baik dan kalau kerjasama antara komponen ini dapat dipertingkatkan, mudah-mudahan ia jadi satu keyakinan untuk BN Sarawak menghadapi pilihan raya dengan jayanya," katanya.

Ditanya sama ada perjumpaan itu memberi petunjuk mengenai tarikh pilihan raya, Mohamed berkata perkara itu tidak disentuh.

Katanya, apa yang penting ialah menjamin kekuatan parti dan memastikan sebarang sengketa atau pergeseran dalam parti diselesaikan secara baik.

Presiden PBDS, Datuk Amar Leo Moggie ketika ditemui selepas dialog itu berkata parti komponen BN negeri patut berpegang kuat dengan amanat Perdana Menteri, terutama dalam meningkatkan kerjasama.

Timbalan Presiden SUPP, Datuk Law Hieng Ding pula berkata amanat Dr Mahathir sangat baik terutama untuk menaikkan semangat anggota parti komponen BN negeri yang akan menghadapi pilihan raya negeri tidak lama lagi.

(END)